

Boleh kerja sambil

JPA cari jalan bantu kakitangan awam hadapi kenaikan harga

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan mengkaji syarat untuk membolehkan kakitangan awam bekerja sambil selepas waktu kerja rasmi atau hujung minggu bagi menambah sumber pendapatan berikutan kenaikan kos sara hidup akibat peningkatan harga minyak sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Amirsham A Aziz, berkata pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi mencari jalan terbaik untuk membolehkan kakitangan awam, terutama kumpulan sokongan bekerja sambil.

Beliau memberi contoh, golongan itu mungkin boleh diberi peluang bekerja sambil untuk tempoh singkat antara dua atau tiga jam sehari seperti menjadi operator, juruwang dan pemasaran talian selepas waktu kerja di sektor awam.

"Mereka juga perlu diberi peluang membabitkan diri dalam bidang perniagaan secara kecil-kecilan selepas



waktu tugas rasmi atau hujung minggu," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Perundingan Mengenai Penilaian Impak dan Pemantauan Kemiskinan Data Inisiatif dan Analisa Kemiskinan (Padi) Asia Tenggara Ke-7 di sini, semalam.

Sebelum ini, Menteri Sumber Manusia, Datuk S Subramaniam meminta JPA mengkaji cadangan membenarkan kakitangan awam bekerja sambil selepas waktu pe-



Mereka patut diberi peluang babitkan diri dalam perniagaan secara kecil-kecilan selepas waktu tugas rasmi atau hujung minggu"

Amirsham A Aziz
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

jabat bagi menambah pendapatan berikutan kenaikan harga bahan api, baru-baru ini.

Beliau berkata, kajian itu perlu bagi mengenai pasti kesan terhadap kualiti kerja kakitangan awam khususnya ketika kerajaan berusaha meningkatkan mutu penyampaian sektor awam.

Mengikut peraturan sekarang, kakitangan awam yang hendak bekerja sambil perlu mematuhi beberapa

syarat, antaranya pekerjaan itu tidak mengganggu dan tidak bercanggah dengan kepentingan tugas rasmi serta perlu dilakukan di luar waktu pejabat.

Selain itu, kakitangan kerajaan juga perlu mendapatkan kebenaran ketua jabatan masing-masing.

Amirsham berkata, senarai rakyat dalam garis kemiskinan mungkin bertambah jika tiada perancangan rapi dilakukan untuk membantu golongan berpendapatan rendah menghadapi krisis makanan dan kenaikan harga barangan.

"Matlamat untuk mencapai sasaran negara miskin tegar sifar dan mengurangkan tahap kemiskinan kepada 2.4 peratus pada 2010, tidak akan dicapai jika kumpulan sasar tidak dibantu dengan menyediakan ruang dan peluang untuk menambah pendapatan," katanya.

Beliau berkata, antara langkah yang diambil kerajaan untuk membantu meringankan beban golongan miskin ialah menerusi skim bantuan perniagaan yang ditawarkan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sejak kira-kira 20 tahun lalu.